

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

## HKB 214 – Kesusasteraan Baru Dalam Bahasa Inggeris

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. “I have vindicated the excesses of the PMMK in building spiralling tortoiseshell towers that benefit no one save the hangers-on and scroungers of corrupt politicians.”

Dengan merujuk kepada pernyataan Inayah di atas, bincangkan setakat manakah Che Huzna Azhari berjaya menggunakan perkembangan protagonisnya untuk menyatirakan penyalahgunaan kuasa sama ada dalam keluarga mahupun dalam masyarakat terutama dalam arena politik.

2. Konsep keperwiraan dan ketaatsetiaan dikaji semula oleh Karim Raslan dalam cerpen bertajuk “**Heroes**”. Analisiskan bagaimana penggunaan pencerita orang pertama dan kisah kenangan menyumbangkan kepada visi segar tentang kedua-dua konsep itu.
3. Setakat manakah K.S. Maniam berjaya menggunakan perkembangan Ravi di dalam “**The Return**” untuk mengkritik sistem-sistem “**hegemonic**” di samping meneroka implikasi-implikasi identiti “**hybrid**”?

4. Dalam “**Mr. Tang’s Girls**” dan “**Native Daughter**”, Shirley Lim memaparkan *kematangan tentang erti kehidupan* melalui sudut pandangan seorang budak perempuan dan watak-watak gadis sunti.

Dengan merujuk kepada pernyataan di atas analisiskan perkembangan Mei Sim dan anak-anak perempuan Tang.

5. Dengan merujuk kepada drama “**Family**” oleh Leow Puay Tin, bincangkan sejauh manakah Leow berjaya menggunakan kaca mata wanita-wanita Cina untuk mempersempahkan visi baru tentang “**sejarah**” pendatang-pendatang Cina ke Kepulauan Nanyang.

6. Kritikan sosio-politik Ee Tiang Hong bertolak daripada kesedarannya tentang identiti “**diasporic**” nenek-moyangnya dan ikatannya kepada warisan peranakannya.

Dengan merujuk kepada pernyataan di atas, analisiskan 2 buah sajak Ee Tiang Hong.